



28 APR, 2026

Keputusan seri THT dibayar dengan harga mahal

Utusan Malaysia, Malaysia



Keputusan seri THT dibayar dengan harga mahal

PETALING JAYA: Pasukan Hoki Terengganu (THT) bakal kehilangan empat pemain utamanya menjelang aksi liga seterusnya selepas mereka mengalami kecederaan ketika membantu pasukan mencatat keputusan seri 1-1 menentang TNB Thunderbolts di Terengganu, kelmarin.

Jurulatihnya, Mohd. Harfizi Baharom berkata, kesemua pemain yang mengalami kecederaan itu adalah Muhammad Firhan Ashari, Mohamad Sukri Abdul Mutalib, Mughni Mohamad Kamal dan Alfarico Lance Liao.

“Kita akan lihat laporan kesihatan sebelum membuat keputusan sama ada mereka boleh diturunkan atau pun tidak bagi perlawanan liga seterusnya.

“Jika tidak, kami masih ada skuad yang boleh diturunkan cuma mereka ini pemain utama jadi kelebihan daripada segi pengalaman itu ada pada mereka,” katanya.

Keputusan seri itu me-

nyebabkan THT ketinggalan empat mata di belakang TNB ThunderStars yang mengumpul sembilan mata di tempat kedua selepas menewaskan Liaoning Team 3-1 manakala Maybank kekal di tangga teratas setelah membelasah UiTM 6-0, kelmarin.

Mengulas lanjut, Harfizi mengakui dia tidak berpuas hati dengan keputusan seri itu sambil berkata, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki sebelum menghadapi kelab Australia, Territory Stingers di Bukit Jalil, Ahad ini.

“Seri bukan keputusan yang kita mahukan namun inilah cabaran liga pada musim ini, sangat kompetitif kalau kita tak ambil peluang.

“Kami harus akui masih ada ruang penambahbaikan yang perlu dibuat terutamanya daripada segi pengurusan masa ketika membuat keputusan di saat genting selain mempertajamkan jentera serangan,” katanya.